

YAB Datuk Menteri Besar,

**Yang Berbahagia Ahli-ahli Jawatankuasa UMNO
Bahagian Johor Bahru Timur,**

Ahli-ahli UMNO,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya merasa sangat bersyukur kerana dapat bertemu dengan tuan-tuan sekalian pada petang ini dalam satu Majlis Keratan yang boleh saya sifatkan sebagai satu Majlis Kesyukuran bagi kita semua.

Saya sangatlah menghargai usaha yang tuan-tuan telah adakan ini untuk meraikan saya dan Datin dalam rangka

lawatan saya di negeri Johor dan juga ke Bahagian Johor Bahru Timur.

Pada saya, UMNO Bahagian Johor Bahru Timur ini sungguh mempunyai erti yang dalam kerana disinilah tempat saya bertapak dalam politik dan meneruskannya pula saya dapat meningkat ke satu kedudukan yang tidak pernah saya tempikan dalam umur hidup saya.

Apa yang lahir di dalam jiwa saya ialah untuk mempunyai tempat di kawasan ini dengan harapan memberikan khidmat dan jasa bakti kepada masyarakat di kawasan ini khasnya dan kepada masyarakat di negara ini amnya.

5. Syukurilah dengan sokongan dan doa restu daripada tuan-tuan, saya telah mencapai satu kedudukan yang baru bagi diri saya. Saya inginlah menyatakan bahawa kehormatan yang diberikan kepada saya sebagai Timbalan Perdana Menteri, pada hakikatnya adalah penghormatan kepada tuan-tuan yang telah memberi amanah dan sokongan kepada saya itu.

6. Semenjak saya menjadi wakil rakyat bagi kawasan ini, saya senantiasa menjanjikan kepada diri saya bahawa

setiap yang saya dapat lakukan mestilah untuk kebajikan dan kesejahteraan penduduk-penduduk di kawasan ini. Ini bukan saja khas untuk perkara yang besar, tetapi hal-hal yang kecil sekalipun.

7. Saya bersyukur kerana telah dapat memberikan sedikit sebanyak khidmat terhadap tuan-tuan sekalian menurut cara dan kemampuan yang ada pada saya. Saya berharap kewajipan saya terhadap tuan-tuan dan kawasan ini akan dapat diteruskan selagi kepercayaan ini diletakkan terus kepada saya ataupun selagi masih ada hayat di badan.

8. UMNO telah bergerak semenjak ia dilahirkan dan telah mengalami beberapa proses perubahan. Perubahan ini bukan saja daripada bentuk tokoh yang silih berganti, tetapi juga dalam konteks perjuangan yang senantiasa disesuaikan dengan iklim politik dan kebendaan rakyat yang semakin berubah.

9. Sekalipun kita mengalami perubahan-perubahan dari tokoh dan pemimpin, tetapi UMNO tetap kokoh sebagai lambang perjuangan orang Melayu yang memperjuangkan hasrat dan cita-cita rakyat Malaysia yang berbilang bangsa.

10. Kita mengalami kehilangan tokoh terutama dengan kehilangan baru-baru ini ke atas Allahyarham Tun Dr. Ismail.

Kehilangan ini meskipun ditetapi oleh negara dan masyarakat seluruhnya, tetapi keinsafan yang kita ambil dari kehilangan itu memaksa pula kita berazam untuk terus memperjuangkan cita-cita baru, memberikan jiwa baru kepada parti dalam menghadapi perubahan dan perkembangan negara.

11. Kesan-kesan daripada kematian Allahyarham sangat-sangatlah dirasai sekali, akan tetapi yakinlah kita bahawa sebagai sesuatu yang dikehendaki dan dikudratkan oleh Allah mempunyai hikmah yang tersembunyi. Saya yakin, dengan semangat dan keazaman tuan-tuan sekalian, UMNO akan senantiasa hidup, akan senantiasa bergerak dan akan senantiasa menjadi

pusat tumpuan untuk kita bergerak dan berkhidmat kepada generasi sekarang dan akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Sungguhpun boleh dibanggakan bahwa UMNO adalah parti politik yang terkuat di negara ini dan menjadi teras kepada politik negara, kita patut berusaha untuk memelihara kekuatannya, memelihara kejaya dan terus memelihara konsep perjuangannya. Sebarang usaha yang cuba mengganggu perpaduan parti, baik dari luar mahupun dari dalam akan kita tentang dengan kekuatan kita.

13. Pada hari esok, penamaan calon akan diadakan di kawasan pilihanraya Johor Timur. Sekiranya parti lawan meletakkan calonnya, berertiilah pilihanraya diadakan dan kita akan berhadapan dengan rakyat sekali lagi. Saya yakin jentera pilihanraya kita di bawah arahan Datuk Menteri Besar telahpun berstep sedia untuk tugas itu.

14. Nasun demikian, apa yang patut kita fahami ialah pilihanraya ini bererti konsep 'front nasional' akan ditentang. Perpaduan dalam parti kita juga mungkin akan tercabar, tetapi saya harap tidak ada sesuatu yang boleh dibiarkan mengganggu kedudukan ini. Demikian juga perpaduan dalam parti Perikatan akan terus terjamin untuk menentukan kejayaan kita.

sangat penting.

15. Dalam masa kita menghadapi rakyat ini, saya harap seluruh ahli UMNO di tiap-tiap bahagian khasnya bahagian ini akan memberikan sumbangan mereka untuk menjamin kemenangan kita.

16. Satu hal yang perlu saya tegaskan ialah sungguhpun dalam pertentangan politik ini, kita yakin boleh menang berdasarkan bukti-bukti hasil usaha kita di masa lepas, tetapi yang harus di fikirkan ialah soal kita berhadapan dengan rakyat.

17. Setakat mana kita telah dapat memenuhi issue-issue yang dikemukakan oleh rakyat secara persaorangan ataupun secara perkumpulan. Pada rakyat masalah mereka itu adalah sangat penting.

Persoalan-persoalan inilah, baik yang kecil mahupun besar, tiap-tiap ahli parti kita patut memberikan perhatian supaya keperluan dan keinginan rakyat senantiasa dapat dipenuhi dengan sebaik-baiknya.

18. Di masa yang lepas terdapat setengah-setengah ahli UMNO mempunyai konsep dan sikap sebagai ahli-ahli pembangkang.

19. Di dalam parti, konsep yang seperti ini tidak begitu sesuai sebab sebagai Kerajaan berparti setiap ahli UMNO patutlah menjadi alat kepada Kerajaan untuk memenuhi program-program dan tujuan-tujuan parti.

Kita tidak dapat lagi berdiri di atas pagar memperhatikan alat-alat Kerajaan dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Setiap gulungan parti baik pun dalam cawangan atau bahagian hendaklah melibatkan diri dalam sebarang pergerakan yang bertujuan mengisi dan memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Inilah konsep parti kita dalam konteks pembangunan yang berjalan sekarang.

20. Saya yakin banyak masalah rakyat yang kadang-kadang kurang diambil perhatian dan pembelaan. Kepada soal-soal yang seperti inilah ahli-ahli parti di mana juga mereka berada patut menyalurkan usaha supaya masalah rakyat dan issue yang mempunyai kesan-kesan

terhadap kehidupan mereka dapat diselesaikan dan satu cara jalan keluar dapat dijalankan dengan kerjasama alat-alat Kerajaan. Tegasnya ahli-ahli parti hendaklah senantiasa mendampingi rakyat dan memberikan pimpinan di mana yang boleh supaya kita terus menerus memberikan perhatian di mana yang diperlukan.

22. Dengan cara ini, saya yakin, tidak ada pihak dan golongan dari luar yang boleh mempengaruhi rakyat dalam menyelesaikan masalah mereka. Yang demikian kita boleh menjamin bahawa UMNO sebagai satu parti yang berasaskan rakyat senantiasa berdamping rapat dan erat dengan rakyat.

22. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada seluruh hadirin khasnya ahli-ahli UMNO bahagian Johor Bahru Tuar yang turut hadir dalam Majlis keratan yang diadakan pada petang ini.



| |
|-----------------------|
| No. Sijil |
| No. Pendaftaran |



| | |
|---------------|-------|
| No Siri | 562 |
| No Penerimaan | 74/79 |